

# Spektrum @ PSN

Edisi 07  
2013

Apa yang menarik bulan ini?

Festival Sports & Spinach II Meriah, Jadi Tumpuan Pengunjung

1

2000 Pelajar OKU Sertai Special Science Day 2013

2

Majlis Pelancaran Drama Bersiri Planet Kiara Musim Ke-2

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4



## FESTIVAL SPORTS & SPINACH II MERIAH, JADI TUMPUAN PENGUNJUNG

Pusat Sains Negara: Sempena musim cuti sekolah baru-baru ini, satu festival telah berlangsung pada 1 - 9 Jun 2013. Festival ini merupakan kesinambungan daripada Festival Sports & Spinach yang telah diadakan pada bulan Mac yang lalu. Festival Sports & Spinach II membawakan tema 'Food, Health & You' iaitu dengan memberi tumpuan kepada aspek pemakanan dan kesihatan.

Antara aktiviti menarik yang diadakan ialah pertandingan gusti lengan, *Treasure hunt*, *Little Chef*, *Jump For Heart*, pertandingan sukan tradisional, persembahan tarian K-POP, senaman Chacha dan *Charity Walk*. Di samping itu, turut diadakan booth pameran serta gerai-gerai jualan.

Matlamat utama penganjuran festival ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap aspek pemakanan serta kesihatan. Selain itu, festival ini juga memberi peluang kepada para pengunjung untuk beriadah melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.



Sepanjang 9 hari berlangsung, dianggarkan seramai lebih 20,000 orang pengunjung telah hadir ke festival ini. Mereka yang hadir terdiri daripada semua peringkat usia iaitu pelajar tadika, pelajar sekolah rendah dan menengah, golongan dewasa dan warga tua.

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

**Pusat Sains Negara**  
Kementerian Sains,  
Teknologi dan Inovasi,  
Perstaran Bukit Kiara,  
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my)

Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)



## 2000 PELAJAR OKU SERTA SPECIAL SCIENCE DAY 2013

Sebagai salah satu program khidmat sosial Pusat Sains Negara, *Special Science Day* sekali lagi telah berjaya dianjurkan pada 24 hingga 27 Jun 2013 yang lalu. Program ini telah disertai oleh 2000 orang peserta yang terdiri daripada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Program *Special Science Day* diadakan bertujuan untuk memberi peluang dan pendedahan kepada semua golongan masyarakat termasuklah golongan OKU agar tidak ketinggalan dalam arus globalisasi sains dan teknologi yang sedang pesat berkembang. Pendedahan sebegini amat penting bagi membolehkan golongan ini mudah beradaptasi dengan sebarang perubahan.

Justeru, Pusat Sains Negara telah mengambil inisiatif dengan menjadikan program ini sebagai acara tahunan. Pelbagai aktiviti telah disediakan khusus dan sesuai untuk golongan ini antaranya *Sensation, Science of Sound, Fun With Air, Creative Art, Mouth & Foot Painting, Magic Show, Music Show* dan banyak lagi.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai matlamatnya apabila para peserta dilihat cukup teruja dan begitu terhibur dengan semua aktiviti yang disediakan.



## MAJLIS PELANCARAN DRAMA BERSIRI PLANET KIARA MUSIM KE-2

Sekali lagi Pusat Sains Negara menampilkan drama Planet Kiara bagi musim kedua setelah mendapat sambutan yang cukup menggalakkan sepanjang tayangan musim pertama yang lepas. Drama musim kedua ini telah mula ditayangkan mulai 12 Jun 2013, setiap hari Selasa hingga Khamis jam 6.30 petang di TV3.

Bagi mempromosikan drama ini, satu sidang media telah diadakan pada 10 Jun 2013 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur. Sidang media ini telah dihadiri oleh barisan pelakon drama Planet Kiara musim ke-2 antaranya Hanif Safuan, Firdaus Ghufuran, Manan Sulaiman dan Nur Jannah. Selain itu, Pusat Sains Negara telah diwakili oleh Puan Mismah Jimbun manakala Bleu Nagas Productions pula diwakili oleh Amy Mazurah dan Mohan Krishna.

Drama Planet Kiara untuk musim ke-2 ini akan memaparkan cerita yang lebih menarik dan mendebarkan dalam usaha Aril menyelamatkan robot PSN-1 daripada jatuh ke tangan Profesor El-Cid dan pembantunya Rossa. Di samping itu, banyak lagi kes sains yang akan ditunjukkan dalam setiap episod drama Planet Kiara musim ke-2 ini.